

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid _____ teruja untuk melawat Menara Berkembar Petronas semasa lawatan ke Kuala Lumpur nanti.
- A nian
 - B betul
 - C benar
 - D sangat
- 2 "Adakah _____ yang akan merasmikan majlis ini?" tanya Cikgu Badrul kepada juruacara majlis.
- A baginda
 - B mereka
 - C beliau
 - D dia

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- A Polis melepaskan tiga butir tembakan ke arah perompak bank itu.
 - B Puan Marini meminta anaknya Marina membeli secubit garam kasar.
 - C Ladang tebu milik Encik Kumar telah dirosakkan oleh sepasukan gajah liar.
 - D Beberapa batang jalan telah ditutup semasa perarakan Hari Kebangsaan 2023.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Obesiti dapat ditakrifkan sebagai masalah kegemukan akibat pengumpulan lemak berlebihan di dalam badan seseorang. Puncanya termasuklah amalan pemakanan yang tidak sihat, kurang bersenam, faktor keturunan dan pengaruh emosi. Oleh itu, obesiti perlu dicegah oleh setiap individu tanpa mengira umur tertentu sejak kanak-kanak lagi.

Jika tidak dicegah, kita akan mengalami pelbagai masalah kesihatan. Antaranya, masalah jantung, kencing manis, kolesterol tinggi dan kerosakan hati. Tanpa kesihatan yang baik, kualiti hidup kita akan terganggu.

- 4 Bilakah obesiti harus dikawal?
 - A Ketika lemak berlebihan
 - B Mengikut umur tertentu
 - C Semasa kanak-kanak
 - D Apabila emosi terganggu
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Obesiti mengakibatkan individu kurang bersenam.
 - B Kualiti hidup terganggu jika kesihatan tidak dijaga.
 - C Pengambilan lemak yang rendah menyebabkan obesiti.
 - D Faktor keturunan adalah penyebab utama masalah kegemukan.
- 6 Berikut ialah kesan obesiti terhadap kesihatan berdasarkan petikan *kecuali*.
 - A kerosakan hati.
 - B masalah jantung.
 - C risiko kencing manis.
 - D tahap kolesterol menurun.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Prasad dan rakan-rakannya berbincang untuk membuat persiapan sambutan Bulan Kemerdekaan. Molly mencadangkan untuk membuat Jalur Gemilang menggunakan barang terbuang. Antara bahan yang boleh digunakan seperti botol air minuman, tin aluminium dan plastik .

Mereka bekerjasama mencari dan mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan. Kemudian mereka memulakan *aktiviti* dengan meletakkan botol-botol yang telah dicat dengan warna Jalur Gemilang. Kerjasama mereka mewujudkan semangat perpaduan.

BAHAN 2

PERTANDINGAN SUKANEKA PERPADUAN

TAMAN PUTERA

Tarikh: 16 September 2023
Masa: 8.00 pagi hingga 1.00 petang
Tempat : Padang Awam Taman Putera
Objektif : Mengeratkan hubungan dan mewujudkan semangat kerjasama antara kaum.

Syarat-syarat Pertandingan

- Pasukan mestilah terdiri daripada pelbagai kaum.
- Terbuka kepada penduduk Taman Putera sahaja.
- Peserta yang mengambil bahagian perlu mendaftar sebelum pertandingan.
- Bilangan ahli pasukan seramai lapan orang

Pelbagai acara pertandingan

- Lari dalam guni
- Cari gula-gula
- Bawa bola
- Tarik tali

Anjuran : Penduduk Taman Putera

Datanglah beramai-ramai. Aktiviti menarik menanti anda!

- 7 Syarat untuk menyertai pertandingan Sukaneka Perpaduan Taman Putera ialah
- A dapat mengeratkan hubungan antara kaum.
 - B peserta perlu mendaftar selepas pertandingan.
 - C hanya terbuka kepada penduduk Taman Putera.
 - D setiap pasukan mestilah terdiri daripada satu kaum.

8

Molly mencadangkan untuk membuat Jalur Gemilang menggunakan barang terbuang.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A pasang.
 - B keping.
 - C bidang.
 - D helai.
- 9 Perkataan *aktiviti* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A kegiatan.
 - B program.
 - C permainan.
 - D persembahan.
- 10 Pilih pernyataan yang benar tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas
- A Penduduk Taman Putera mengecat botol-botol mengikut warna Jalur Gemilang.
 - B Perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti sukaneka dan membuat Jalur Gemilang.
 - C Molly bercadang untuk menyertai acara mencari gula-gula dalam pertandingan yang diadakan.
 - D Peserta yang ingin mengambil bahagian perlu mendaftar kepada Prasad selepas pertandingan.

Bahagian B
[1 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya .

Sang Kancil asyik menikmati pemandangan pepokok dan dedaun sambil mendengar burung-burung berkicau. Tiba-tiba, kedengaran suara Sang Lelabah yang sedang menangis.

“Mengapakah kau menangis wahai labah-labah?” tanya Sang Kancil. “Sarungku telah dimusnahkan oleh Sang Tikus,” jawab Sang Lelabah.

“Temanku, sabarlah. Aku akan menasihati Sang Tikus supaya tidak mengulangi perbuatannya itu,” kata Sang Kancil. “Aku akan mengajak Sang Tikus untuk memperbaiki sarangmu bersama-sama,” ujarnya lagi. “Terima kasih sahabat,” ujar Sang Lelabah.

- 1 (a) Secara tiba-tiba, Sang Kancil terdengar suara tangisan _____.
[1 markah]

- (b) Mengapakah Sang Lelabah bersedih?

[2 markah]

- (c) Bulatkan satu **kata ganda separa** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Sang Kancil asyik menikmati pemandangan pepokok dan dedaun sambil mendengar burung-burung berkicau.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

“Temanku, sabarlah. Aku akan menasihati Sang Tikus supaya tidak mengulangi perbuatannya itu,” kata Sang Kancil.

Sang Tikus meminta Sang Lelabah bersabar dan akan menasihati Sang Tikus supaya tidak mengulangi perbuatannya lagi.	
Sang Lelabah menasihati Sang Kancil supaya bersabar dan meminta Sang Tikus tidak mengulangi perbuatannya lagi.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

Aishah sedang menolong ibunya berniaga nasi lemak di hadapan rumah. Ketika ibunya masuk mengambil sesuatu di dalam rumah, dia ternampak seekor anak kucing sedang mengiau-ngiau kerana lapar. Dia mahu menolong anak kucing itu tetapi dia takut akan kucing.

- 2** Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Aishah?

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang keselamatan di taman permainan.

*Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara menjaga keselamatan di taman permainan**.*

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.*



Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

KELUARGAKU SAYANG



1 Tuliskan sebuah cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan sebuah catatan berdasarkan gambar di atas.

011